



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (90286-01)

Tingkat 5, Mezz & P 1,
No 46, Jalan Dujun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel +60 3 2095 3030
Fax +60 3 2095 2121

NEWSPAPER CLIPPING

Media Organisation :	Harian Metro
Date :	23/10/2015

JUMAAT 23 OKTOBER 2015 **Harian Metro**

Jajaran SSP lulus

Kuala Lumpur: Kerajaan sudah memberi kelulusan akhir kepada Skim Rel MRT Jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Jajaran SSP), demikian umum Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), semalam.

MRT Corp berkata, ia menerima surat daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) memaklumkan akan kelulusan akhir itu, ditandatangani oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang antara lain mengandungi laluan dan stesen muktamad Jajaran SSP.

"MRT Corp akan meneruskan pembinaan Jajaran SSP yang juga laluan kedua dalam Projek MRT Lembah Klang," kata syarikat itu dalam satu kenyataan.

"Jajaran SSP akan menyumbang secara signifikan kepada liputan rel bandar di Lembah Klang dan akan menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang moden, cekap, boleh dipercayai dan selamat di koridor yang didiami oleh kira-kira dua juta penduduk," katanya.

Kerajaan juga memutuskan agar stesen bertingkat

“ Kini MRT Corp akan meneruskan pembinaan Jajaran SSP yang juga laluan kedua dalam Projek MRT Lembah Klang”

Kenyataan MRT Corp

dibina berhampiran Taman Teknologi Malaysia di antara S25 di Sungai Besi dan S26 di Serdang Raya Utara.

"Dengan stesen tambahan ini, Jajaran SSP akan mempunyai 37 stesen. Daripada jumlah itu, 25 adalah stesen bertingkat, 11 bawah tanah dan satu 'separuh tenggelam' iaitu dibina bawah tanah di bawah paras sedia ada," katanya.

Jarak keseluruhan jajaran muktamad kekal pada 52.2 kilometer dengan 38.7 kilometer dalam binaan bertingkat dan 13.5 kilometer lagi bawah tanah.

Jajaran SSP dijangka mengangkut lebih 500,000 penumpang setiap hari apabila ia beroperasi sepenuhnya pada Julai 2022.

- BERNAMA